



KENYATAAN MEDIA

Media Release

PENJELASAN LHDNM BERKENAAN ARAHAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak majikan atas beberapa saranan melalui e-mel ke idea_desire@hasil.gov.my berkenaan kekeliruan yang timbul berkaitan isu arahan Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang telah dilaporkan di dalam beberapa akhbar pada tarikh 9 dan 10 Jun 2011.

LHDNM menghargai saranan-saranan tersebut kerana ianya memberikan peluang kepada LHDNM untuk menilai semula prosedur dan sistem berkaitan dalam usaha menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada pembayar cukai. Sehubungan itu, LHDNM akan melipatgandakan publisiti berkaitan PCB ini terutamanya penggunaan Borang TP1 dan TP2 untuk pelarasannya agar PCB pembayar cukai agar tidak terdapat lebihan potongan melalui PCB yang perlu dibayar balik oleh LHDNM kepada pembayar cukai.

Sebagai sebuah Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab, LHDNM juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan bahawa PCB merupakan satu mekanisme yang telah diperkenalkan bagi membolehkan pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan penggajian untuk membuat bayaran cukai secara pendahuluan. Amaun PCB akan dipotong oleh majikan masing-masing daripada saraan bulanan mereka dan seterusnya perlu diremitkan ke LHDNM selewat-lewatnya pada 10 haribulan setiap bulan. **Ia bukanlah amaun cukai yang muktamad kerana pembayar**

cukai hanya akan mengetahui sama ada amaun PCB yang dipotong oleh majikan mereka adalah mencukupi atau sebaliknya setelah amaun cukai mereka ditaksir dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan yang dihantar kepada LHDNM pada tahun berikutnya.

Dalam usaha memastikan amaun PCB ini adalah sama atau hampir sama dengan cukai sebenar serta mengelakkan amaun cukai terlebih bayar, **mulai tahun 2009** LHDNM telah menggunakan PCB 2009 mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994. Setiap pembayar cukai yang bekerja di syarikat swasta boleh mlaraskan amaun PCB mereka melalui borang khas yang dikenali sebagai Borang TP1 (mengurangkan amaun PCB) dan Borang TP2 (untuk menambah amaun PCB). Borang ini boleh diperolehi melalui laman web rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my dan **seterusnya dihantar kepada pihak majikan mereka untuk tindakan**. Pengiraan amaun PCB akan dilaraskan dengan:

| Keterangan | Borang |
|--|--------|
| <ul style="list-style-type: none">Memberikan pengecualian kepada elaun/perkuisit/pemberian/manfaat yang dikecualikan cukai;Membenarkan tuntutan potongan/rebat pada mana-mana bulan yang dipohon oleh pembayar cukai. | TP1 |
| <ul style="list-style-type: none">Mengambilkira nilai Manfaat Berupa Barang (MBB)/ Nilai Tempat Kediaman (NTK) sebagai sebahagian daripada saraan (jika ada). | TP2 |

LHDNM memahami ada di kalangan majikan tidak dapat menggunakan sistem PCB 2009 ini kerana kekangan-kekangan tertentu seperti melibatkan kos kewangan untuk

mengemaskini sistem penggajian (Payroll System) syarikat yang telah sedia ada serta menambah bilangan staf untuk melakukan pelarasan amaun PCB. Sehubungan dengan itu LHDNM telah mengambil langkah proaktif bagi membantu pihak majikan dengan menyediakan kemudahan perkhidmatan elektronik e-PCB, e-Data PCB dan Kalkulator PCB. Majikan juga boleh meremit bayaran PCB pekerja mereka kepada LHDNM secara perbankan elektronik. Semua perkhidmatan elektronik ini ditawarkan secara **PERCUMA**. LHDNM juga bersedia untuk memberikan taklimat serta penerangan yang lebih terperinci berkenaan perkhidmatan elektronik ini mengikut keperluan pihak majikan.

Buat masa ini mekanisme baru PCB 2009 masih belum diwajibkan ke atas pihak majikan. Namun begitu, pihak majikan adalah digalakkan untuk menggunakan serta perlu bersedia daripada sekarang kerana penggunaannya akan diwajibkan pada masa hadapan.

Justeru, LHDNM sangat berharap agar semua majikan dapat membantu LHDNM dalam menjalankan fungsinya serta mewujudkan suasana menang-menang dengan membantu setiap pekerja mereka melakukan pelarasan sewajarnya terhadap amaun PCB mereka. Sekiranya pihak majikan mempunyai sebarang pandangan dan maklumbalas dalam usaha menambahbaik sistem PCB ini, LHDNM sangat mengalu-alukannya. Pandangan dan maklumbalas tersebut boleh dihantar ke e-mel idea_desire@hasil.gov.my.

SEKIAN, TERIMA KASIH

| | |
|--------------------------------|---|
| Dikeluarkan oleh | : Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia |
| Tarikh | : 13 Jun 2011 |
| Nombor Telefon | : 03-6203 1380 |
| Nombor Faks | : 03-6201 2434 |
| Pusat Khidmat Pelanggan | : 1-300-88-3010 <u>www.hasil.gov.my</u> |